

31/07/1997

Syariah: PM mungkin bawa cadangan

KUALA LUMPUR, Rabu - Mesyuarat Majlis Raja-Raja yang bermula hari ini tidak mempunyai agenda mengenai penyeragaman undang-undang syariah setiap negeri, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman.

Bagaimanapun, katanya, ia terserah kepada budi bicara Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membawa cadangan itu dalam mesyuarat berkenaan.

Perdana Menteri sebaik kembali ke negara ini pada 22 Julai lalu selepas percutian sambil bekerjanya selama dua bulan di luar negara memberi jaminan untuk melaksanakan beberapa perubahan termasuk penyeragaman undang-undang Islam di seluruh negara.

Menurut Dr Mahathir, beliau akan mengambil inisiatif untuk mengadakan perbincangan dengan raja-raja dalam usaha menyelesaikan masalah undang-undang syariah yang tidak seragam antara negeri.

Beliau tidak mahu lagi timbul kekeliruan masyarakat Islam ekoran tidak ada keseragaman undang-undang syariah.

Isu ini semakin mendapat perhatian masyarakat Islam apabila Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) menangkap tiga gadis yang menyertai pertandingan ratu cantik, baru-baru ini.

Dr Abdul Hamid berkata, penyeragaman undang-undang syariah termasuk penyusunan semula mahkamah syariah tidak menjejaskan kuasa kerajaan negeri atau kuasa raja.

"Penyeragaman undang-undang syariah bukan untuk mengambil alih kuasa sultan atau kerajaan negeri.

"Pegawai dari Pusat yang akan bekerja di mahkamah syariah mesti mendapat persetujuan daripada sultan dan pegawai itu melaksanakan undang-undang Islam yang sama," katanya kepada pemberita di Lobi Parlimen, hari ini.

Beliau berkata, pelaksanaan keseragaman undang-undang syariah perlu mengikut proses psikologi dan sosiologi.

Setakat ini, lima kerajaan negeri sudah setuju penyeragaman undang-undang syariah manakala selainnya dalam proses persetujuan di peringkat dewan undangan negeri.

"Akhir tahun ini, kita berharap semua negeri akan mendapat persetujuan daripada exco untuk menjayakan hasrat ini," katanya.

Menurut Dr Hamid, masalah utama kini bukan percanggahan undang-undang tetapi peringkat perlaksanaannya.

(END)